

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan

EDISI 25

ISSN 1823-6421



Adaptasi Teknologi dan Inovasi dalam Perniagaan

Nor Hidayatun Abdul Razak¹ , Maisarah Ishak²

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Cawangan Pahang

*Koresponden: norhidayatun@uitm.edu.my

Teknousahawan didefinisikan sebagai seseorang yang terlibat dalam “bidang keusahawanan yang mengaplikasi dan menggunakan kepakaran teknologi dalam pengeluaran produk, perkhidmatan, pengurusan perniagaan dan membuat keputusan berkaitan perniagaan” (Hassan, 2019). Terma teknousahawan digunakan bagi menerangkan tentang kemampuan atau kemahiran seseorang usahawan mengadaptasi teknologi dalam menghasilkan inovasi yang diperlukan oleh perniagaan. Penggunaan teknologi dalam perniagaan amat diperlukan pada masa kini disebabkan perubahan persekitaran global. Kecanggihan teknologi dan keperluan kepada inovasi baru mahupun penambahbaikan kepada hasil inovasi sedia ada dilihat sebagai satu cabaran kepada pemilik perniagaan. Gabungan kemahiran perniagaan dan kemampuan menghasilkan inovasi berasaskan teknologi boleh menyumbang kepada kecekapan dan keberkesanan sesuatu proses perniagaan.

Malah, usahawan perlu mengadaptasi penggunaan teknologi untuk lebih bersaing dan memberikan kelebihan persaingan (competitive advantage) dalam pasaran. Beberapa aspek penting yang boleh diberi keutamaan dalam konteks mengadaptasi penggunaan teknologi dan penghasilan inovasi termasuk untuk menjimatkan kos, pengambilan tenaga kerja dan tenaga mahir, peningkatan kualiti, dan persaingan. Sebarang permasalahan berkaitan dengan aspek-aspek tersebut boleh dikurangkan atau diselesaikan dengan menggunakan teknologi dan inovasi. Usahawan perlu bijak menggunakan peluang yang ada serta menjadi lebih kreatif agar dapat menghasilkan idea serta produk yang lebih berdaya saing. Inovasi yang dijalankan juga boleh melalui proses penciptaan baru atau pengembangan penciptaan sedia ada yang lebih memberi impak positif kepada pengguna.

Bagi perniagaan yang menggunakan tenaga buruh asing misalnya, sering menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja, masalah visa dan pekerja berpindah ke perniagaan yang lain. Kebergantungan kepada tenaga buruh asing boleh dikurangkan sekiranya seorang teknousahawan berusaha atau bekerjasama dengan pihak-pihak tertentu untuk menghasilkan inovasi dengan menggunakan teknologi bagi memenuhi keperluan tugas yang asalnya menggunakan tenaga buruh. Sebagai contoh, seorang kontraktor perlu membina kediaman menggunakan tenaga buruh dalam membancuh simen dan mengikat bata. Tugas membancuh simen dan mengikat bata ini boleh dilakukan oleh mesin dan kos yang perlu disediakan adalah kos membeli mesin serta penyelenggaraan dan baik pulih sahaja. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan teknologi dan inovasi mampu membantu sesebuah perniagaan menjadi lebih maju dan produktif.

Walau bagaimanapun, menghasilkan inovasi bukanlah suatu perkara yang mudah. Seorang teknousahawan perlu berani mencuba dan mempunyai kreativiti dalam mencari idea untuk menghasilkan sesuatu inovasi yang bersesuaian dengan keperluan perniagaan. Selain itu, proses ini juga melibatkan kos dan kepakaran sekiranya teknousahawan tidak mempunyai keupayaan tersebut. Salah satu cara untuk mendapatkan idea inovasi adalah dengan melihat bagaimana perniagaan lain menggunakan teknologi untuk tujuan perniagaan. Idea yang terhasil boleh dikembangkan dan teknologi digunakan bagi menghasilkan inovasi baru yang boleh membantu proses perniagaan dengan lebih efisien dan berkesan.

Rujukan

[1] Hassan, M. R. (2019) Dimensi baharu teknousahawan. Kosmo. p. 26. In DIMENSI BAHARU TEKNOUSAHAWAN | UMP News



Penggunaan teknologi mesin mengikat bata. Sumber: <https://www.facebook.com/funtoyshops/videos/mudah-kerja-mesin-canggih-ikat-bata/1780362818721870/>



Penggunaan tenaga buruh mengikat bata

Sumber: <https://www.facebook.com/hassanhardware/photos/a.56661029017468/81540860056083035/?type=3&theate>

